

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2016 / 2017  
DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
<b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN</b>								
<b>DIVISYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA</b>								
1	Carta Organisasi Baru Divisyen Pengurusan Sumber Manusia			✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tugas dan Skop kerja lebih jelas dari segi fokus dan akauntabiliti</li> <li>Mengelakkan budaya "silo" / "kau kau dan aku aku"</li> <li>Setiap fungsi mempunyai KPI masing-masing</li> </ul>	<p>Carta Organisasi dibuat setelah penubuhan Divisyen Pengurusan Sumber Manusia (DHRM) yang menggantikan Bahagian Perkembangan Sumber Manusia (HRD) pada 13 Jun 2016. Organisasi dibuat berbanding fungsi utama Divisyen iaitu perolehan (Acquisition), Latihan dan Perkembangan (Training and Development), Penggunaan (Utilisation) dan Pengkalan (Retention). Tenaga Kerja dalam Divisyen ini di atur secara matrix iaitu mengikut tugas utama mereka dibawah ketua fungsi tetapi mereka juga akan melaksanakan kerja dibawah fungsi yang lain jika kemahiran dan kebolehan mereka dalam melaksanakan sesuatu projek/tugas diperlukan. Setiap fungsi utama mengandungi beberapa program/projek KPI masing-masing yang mana pelaksanaannya dipantau dan dilaporkan melalui sistem 90 Day Plan.</p>	<p><b>CABARAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Terdapat sebilangan kakitangan dalam Div 4 &amp; Div 5 yang tidak mahu mengikuti kursus dengan alasan yang kurang munasabah seperti mengambil anak sekolah</li> <li>Mendapatkan inhouse trainer bagi kursus teknikal</li> <li>Jumlah kursus teknikal yang dibuat oleh IPA sangat terhad</li> </ul> <p><b>TINDAKAN SUSULAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengadakan lebih banyak kursus inhouse melalui fulltime trainers dari DHRM (Diperbantukan dari JKR)</li> <li>Mengusulkan insentif untuk diberikan kepada inhouse trainers</li> </ul>	<p>Mengadakan lebih banyak inhouse Training supaya ramai pegawai dan kakitangan dapat mengikuti kursus teknikal in house</p> <p>Tahap Pencapaian Sasaran / KPI yang ditetapkan pada Jan 2016:- 16% Div 5 34% Div 4</p>
2	Taklimat Development Programme			✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan peratus pegawai dan kakitangan teknikal dalam div 3,4,5 yang mempunyai kelulusan, pengetahuan, kemahiran dan kebolehan dalam bidang teknikal</li> <li>Memberi peluang lebih ramai pegawai dan kakitangan teknikal div 3 dan 4 mengikuti kursus teknikal in house</li> <li>KPI - sasaran 50% pada tahun 2020 bagi div 4 dan 5</li> </ul>	<p>Program ini telahpun dijalankan di Jabatan Kerja Raya tetapi belum pernah dilartakan ke Kementerian Pembangunan. Setelah penubuhan divisyen Pengurusan Sumber Tenaga Manusia di Kementerian Pembangunan pada 13 Jun 2017, program ini dilartakan kepada Jabatan-Jabatan dan Divisyen di Kementerian Pembangunan. Program ini sangat penting kerana KPI bagi program ini telahpun dijadikan KPI dari perkembangan sumber manusia dalam div 4 dan 5 di Kementerian ini. Beberapa kursus dijalankan bagi kakitangan dalam div 4 dan 5 yang mana tenaga pengajarnya adalah terdiri daripada pegawai-pegawai teknikal di Kementerian ini.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>City and Guild 6165 Level 2 Certificate in Construction</li> <li>Inhouse TDP - Modul Teras dan Specialist</li> </ul>	<p><b>CABARAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenalpasti fungsi utama divisyen</li> <li>Tidak ada rujukan yang dapat dibuat kerana penubuhan Divisyen adalah sesuatu yang baru dan belum pernah dibuat dimana-mana Kementerian</li> </ul> <p><b>TINDAKAN SUSULAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Merujuk dan mendapatkan cadangan melalui internet</li> <li>Mendapatkan nasihat dari pihak pengurusan eksekutif Kementerian Pembangunan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Warga kerja DHRM sentiasa bekerjasama dan saling mengetahui fungsi-fungsi yang lain</li> <li>KPI fungsi dilaporkan melalui sistem Pemantauan 90 Day Plan kepada YB Menteri Pembangunan mengikut jadual yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Eksekutif Kementerian Pembangunan</li> </ul>
3	Professional Development Programme			✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan peratus pegawai profesional yang mempunyai keahlian "chartered" badan-badan profesional antarabangsa</li> <li>Memberi pendedahan mengenai kepentingan dan keperluan menjadi ahli chartered badan badan profesional</li> <li>KPI - sasaran 50% pegawai menjadi ahli chartered pada tahun 2020</li> </ul>	<p>Program ini telahpun dijalankan di Jabatan Kerja Raya tetapi belum pernah dilartakan ke Kementerian Pembangunan. Setelah penubuhan divisyen Pengurusan Sumber Tenaga Manusia di Kementerian Pembangunan pada 13 Jun 2017, program ini dilartakan kepada Jabatan-Jabatan dan Divisyen di Kementerian Pembangunan. Program ini sangat penting kerana KPI bagi program ini telahpun dijadikan KPI dari perkembangan sumber manusia di Kementerian ini.</p>	<p><b>CABARAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Terdapat sebilangan pegawai yang membantah terutama yang sudah hampir bersara</li> <li>Tidak ada pegawai profesional untuk mengendalikn PDP</li> </ul> <p><b>TINDAKAN SUSULAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengaturkan pihak pengurusan eksekutif untuk memberi taklimat dan motivasi kepada sebilangan pegawai profesional</li> <li>Mengadakan muzakarah berkala dan tersusun untuk memantau status pelan tindakan dan melaporkan status kepikah pengurusan eksekutif</li> <li>Membuat usulan supaya beberapa orang pegawai dari JKR diperbantukan di Divisyen HRM</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan jumlah pegawai profesional menjadi ahli "chartered"</li> <li>Pencapaian KPI yang ditetapkan :- 24% (24 Febuari 2017)</li> </ul>

Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
	Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
<b>JABATAN KERJA RAYA</b>							
<b>JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN</b>							
4	Occupational Health and Safety Management System bagi Jabatan Kerja Raya	✓		<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan dokumen Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (OHSMS)</li> <li>Menyediakan Polisi Keselamatan dan Kesihatan Jabatan Kerja Raya yang baru</li> <li>Melaksanakan Sistem Pengurusan OSH di Jabatan Kerja Raya dan seterusnya mendapatkan pensijilan sistem pengurusan</li> <li>Membantu Jabatan Kerja Raya mematuhi Perintah Keselamatan dan Kesihatan tempat kerja 2009 dan peraturan yang berkaitan</li> <li>Pelancaran Buku Manual Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (OSHMS)</li> </ul>	Mewujudkan dan melaksanakan Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan bagi Jabatan Kerja Raya	<b>CABARAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Peruntukan untuk pelaksanaan program dan latihan</li> <li>Masa bagi melaksanakan sistem dan mengadakan taklimat terhad</li> <li>Komitmen pegawai dan kakitangan JKR</li> </ul> <b>TINDAKAN SUSULAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sentiasa melaksanakan sistem berkenaan secara berterusan</li> <li>Jerayawara ke Jabatan di Jabatan Kerja Raya</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jawatankuasa dibentuk</li> <li>Dokumen telah disediakan</li> <li>Polisi telah ditandatangani pada 26 Januari 2017</li> <li>Taklimat telah disampaikan kepada Pengurusan Tertinggi pada 3 Disember 2016</li> <li>Taklimat telah disampaikan kepada Pengurusan Kanan pada 7 Mac 2017</li> <li>Bengkel-bengkel telah diadakan pada 11/7, 26/7, 15/8</li> </ul>
5	HSE Construction Conference 2016		✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk berkongsi maklumat terkini amalan terbaik kesihatan, keselamatan dan alam sekitar dalam industri pembinaan</li> <li>Untuk menanam budaya kerja selamat dan sihat di dalam sektor pembinaan</li> <li>Untuk meningkatkan tahap pematuhan terhadap keperluan kesihatan, keselamatan dan alam sekitar di Jabatan Kerja Raya</li> <li>Untuk menyampaikan maklumat perkembangan terkini tentang kesihatan, keselamatan dan alam sekitar di dalam sektor pembinaan Negara Brunei Darussalam</li> </ul>	Mengadakan persidangan berkenaan kesihatan, keselamatan dan alam sekitar kepada yang terlibat dalam industri pembinaan samada dari pihak Kerajaan atau Swasta	<b>CABARAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mendapatkan peserta persidangan</li> <li>Komunikasi diantara pelbagai pihak</li> <li>Pengurusan Logistik</li> </ul> <b>TINDAKAN SUSULAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Membuat perancangan lebih awal</li> <li>Mengadakan persidangan kali kedua dan seterusnya</li> </ul>	Daripada penilaian yang dibuat oleh peserta persidangan, 58% memilih sangat memuaskan, 36% memilih sederhana dan 6% memilih kurang memuaskan
6	Inhouse Safety Inspection in all PWD Workplace		✓	Mematuhi kehendak Perintah Keselamatan Tempat Kerja 2009	Mengadakan lawatan keatas pejabat-pejabat dan aset-aset Jabatan Kerja Raya untuk membuat pemeriksaan, kesihatan, keselamatan dan alam sekitar.	<b>CABARAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Komunikasi diantara pelbagai pihak</li> <li>Masa untuk menyediakan dan menyelesaikan laporan</li> </ul> <b>TINDAKAN SUSULAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Membuat perancangan lebih awal</li> </ul>	5 tempat kerja telah diperiksa berbanding 4 yang dirancang
7	Kesedaran Bahaya Bekerja di Ruang Terkurung (Working in Confined Place)		✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk mematuhi Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja 2009 dan peraturan-peraturannya</li> <li>Untuk memberi kesedaran terhadap bahaya-bahaya apabila bekerja di ruang terkurung</li> <li>Untuk memastikan kakitangan mematuhi prosedur kerja selamat (SOP)</li> </ul>	Memberi pendedahan kepada kakitangan berkenaan bahaya bekerja di ruang terkurung serta menyediakan panduan ringkas berkenaan prosedur kerja selamat (SOP) dan membincangkan hal-hal berkaitan keselamatan dan kesihatan bagi kerja-kerja di ruang terkurung	<b>CABARAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Tiada peralatan atau kelengkapan yang sepatutnya bagi tujuan praktikal</li> <li>Hasil analisa penilaian program 54% menyatakan tempoh program tidak mencukupi</li> <li>Mendapatkan peruntukan untuk mengadakan latihan yang lebih mendalam atau peringkat seterusnya (competency)</li> </ul> <b>TINDAKAN SUSULAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Memohon peruntukan untuk pembelian peralatan atau kelengkapan</li> <li>Mengadakan sesi seterusnya kepada kakitangan yang belum hadir</li> <li>Sentiasa memantau kerja-kerja yang melibatkan aktiviti di ruang terkurung.</li> </ul>	Sebanyak 56 orang pegawai dan kakitangan telah hadir ke program/taklimat berkenaan
8	Perlantikan dan Pelancaran 'First Aider dan Fire Marshall' bagi Jabatan Kerja Raya		✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melantik ahli-ahli First Aider dan Fire Marshall bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Kerja Raya</li> <li>Pelancaran pasukan tindakan kecemasan di Jabatan Kerja Raya</li> <li>Membantu Jabatan Kerja Raya mematuhi Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja 2009 dan peraturan yang berkaitan</li> </ul>	Berkenaan dengan perlantikan ahli-ahli 'First Aider dan Fire Marshall' serta pelancaran pasukan tindakan kecemasan (Emergency Response Team) di Jabatan Kerja Raya.	<b>CABARAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Peruntukan untuk program dan latihan</li> <li>Komitmen pegawai dan kakitangan JKR</li> </ul> <b>TINDAKAN SUSULAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan latihan yang kerap dan berjadual</li> <li>Mengenalpasti pegawai dan kakitangan yang berkebolehan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Latihan telah dijalankan</li> <li>Perlantikan ahli-ahli telah dilaksanakan pada 24 September 2016</li> <li>Penglibatan ahli dan pasukan dalam pebagai aktiviti dan jawatankuasa</li> </ul>

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
9	Seminar Kerja Tempat Tinggi			✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk menyampaikan maklumat mengenai peruntukan undang-undang yang berkaitan kerja tempat tinggi</li> <li>Untuk memberi kesedaran tentang hazard atau bahaya kerja tempat tinggi</li> <li>Untuk menunjukkan kaedah-kaedah kerja selamat dan sihat di tempat tinggi</li> </ul>	Menyampaikan taklimat mengenai keselamatan dan kesihatan bekerja di tempat tinggi untuk pegawai dan kakitangan Jabatan Kerja Raya	<p><b>CABARAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mendapatkan peruntukan untuk mengadakan latihan yang lebih mendalam</li> <li>Pengukuran KPI tidak dapat dibuat secara langsung dengan taklimat yang dibuat kerana pegawai dan kakitangan JKR hanya memantau projek dan membuat teguran kepada pihak kontraaktor</li> </ul> <p><b>TINDAKAN SUSULAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sentiasa membuat pemantauan keatas projek-projek JKR melalui lawatan pemeriksaan dan pengauditan</li> </ul>	Sebanyak 36 orang pegawai dan kakitangan telah hadir ke program/taklimat berkenaan
10	Memperbaiki Proses Kelambatan Memproses Sijil Sokongan Kenaikan Gaji Tahunan Bagi Jabatan Kerja Raya			✓	Proses kenaikan gaji tahunan akan dapat disediakan lebih awal dari tarikh sepatutnya penerima berkelayakan	Projek ini bertujuan untuk memperbaiki proses kerja bagi sokongan sijil kenaikan gaji tahunan bagi pegawai dan kakitangan di Jabatan Kerja Raya.	<p><b>CABARAN</b></p> <p>Kesibukan ahli-ahli dalam melaksanakan tugas rutin harian dan tugasan yang datang mendadak iaitu ad-hoc memberi cabaran yang hebat</p> <p><b>TINDAKAN SUSULAN</b></p> <p>Pemantauan dan penelitian secara berterusan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perlantikan ahli-ahli telah dilaksanakan pada 24 September 2016</li> <li>Penglibatan ahli dan pasukan dalam pelbagai aktiviti dan jawatankuasa</li> </ul>
11	Menyelesaikan Masalah Mengenai Maklumat Kakitangan yang Kurang Lengkap			✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bagi menyelesaikan masalah mengenai maklumat pegawai dan kakitangan warga Jabatan Kerja Raya yang kurang lengkap</li> <li>Memperkenalkan maksud 'maklumat kakitangan yang lengkap' ke seluruh Jabatan Kerja Raya</li> <li>Proses-proses kerja dala pengemaskinian lebih teratur iaitu tertumpu kepada satu unit sahaja selaras dengan nama unit iaitu sebagai 'pusat maklumat kakitangan'.</li> </ul>	Projek Kumpulan Kerja Cemerlang yang dilaksanakan oleh Kumpulan Eight-Means memfokuskan kepada Maklumat Kakitangan di Jabatan Kerja Raya iaitu seramai 3,833 orang yang teradapat didalam Rekod Perkhidmatan (Record Service) iaitu maklumat-maklumat peribadi dan maklumat perkhidmatan sepanjang berkhidmat di Jabatan Kerja Raya. Maklumat-maklumat ini perlu dikemaskinian dari masa kesemasa bagi membolehkan kakitangan disokong untuk kenaikan pangkat, sokongan perubahan tanggagaji, permohonan jawatan-jawatan kosong, sokongan personal to holder, sokongan untuk pingat, permohonan tambang haji dan sebagainya. Walaubagaimanapun, maklumat-maklumat kakitangan yang terdapat di Bahagian Pentadbiran, Jabatan Pentadbiran dan Kewangan dalah kurang lengkap. Oleh itu, satu kumpulan telah ditubuhkan bagi mengatasi masalah tersebut.	<p><b>CABARAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sikap negatif sebahagian kakitangan yang tidak dapat menerima perubahan</li> <li>Persekitaran tempat bekerja yang sempit dan terhad</li> <li>Ketua Unit yang baru ditempatkan diunit khusus dan masih belum dapat memahami proses pengemaskinian sepenuhnya</li> <li>Terdapat unit lain yang kurang memberikan kerjasama</li> <li>Kemudahan sistem yang terhad menyebabkan pengemaskinian tergendala</li> <li>Ahli-ahli hampir kesemuanya tidak pernah mengikuti kursus KKC dan baru pernah terdedah kepada KKC</li> <li>Mesyuarat seringkali tergendala disebabkan kesibukan dalam tugas rutin harian di pejabat.</li> </ul> <p><b>TINDAKAN SUSULAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sistem maklumat kakitangan yang digunakan pada masa ini sentiasa diperbaiki iaitu sepertimana menyelaraskan format percetakan Rekod Perkhidmatan</li> </ul>	Sebanyak 36 orang pegawai dan kakitangan telah hadir ke program/taklimat berkenaan
<b>JABATAN PERKHIDMATAN TEKNIKAL</b>								
12	Built Environment Guidelines - MIB CONTEXT-VOLUME 1			✓	Untuk digunakan sebagai rujukan rekabentuk dalaman dalam konteks Melayu Islam Beraja khususnya dalam penyediaan sunat atur Pejabat dan Penyediaan surau dan tempat berwudhu	Penyediaan buku panduan dan pawaian untuk professional pembangunan dari segi rekabentuk sebagai rujukan dan perlaksanaan projek-projek Kerajaan. Buku ini juga adalah sebagai common practice dan menambah pengetahuan khusus untuk persekitaran rekabentuk bangunan bagi Negara Brunei Darussalam.	<p><b>CABARAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Menetapkan keluasan bagi setiap kategori pegawai kakitangan kerajaan</li> <li>Mengumpul maklumat untuk bahan buku panduan</li> </ul> <p><b>TINDAKAN SUSULAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Membuat kajsilidik dengan terperinci disetiap bangunan Kerajaan.</li> </ul>	Menjadi buku panduan bagi agensi-agens pelaksana
13	Mengemaskin Panduan Pengurusan Kontrak / Contract Administration Guide (CAGE)			✓	Jabatan ini berhasrat untuk mengemaskini panduan berkenaan kerana terdapat perkara yang tidak berkenaan, tidak praktikal dan sebagainya untuk dipakai pada masa ini. Penyelarasan juga dibuat dengan pensyaratan-pensyaratan kontrak serta surat-surat keliling dan Surat Pemberitahuan yang terkini.	Dokumen CAGE adalah sebuah dokumen yang digunakan di semua Jabatan atau Kementerian yang mengendalikan kontrak-kontrak dibawah kawalan mereka. Ia adalah dokumen yang lengkap untuk pentadbiran kontrak kerajaan mulai dari kontrak dianugerahkan kepada pemborong hingga selesai.	<p><b>CABARAN</b></p> <p>Mengambil masa untuk mendapatkan maklumbalas daripada agensi lain</p> <p><b>TINDAKAN SUSULAN</b></p> <p>Sentiasa menyusul melalui persuratan dan emel</p>	

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
14	Producing Typical Details of Structural Components Handbook for Residential Houses As a Guide	✓			<ul style="list-style-type: none"> <li>Tujuan utama penyediaan rekabentuk ini adalah untuk menjadikannya sebagai bahan rujukan di dalam database Bahagian Struktur, Jabatan Perkhidmatan Teknikal, terutama sekali apabila mengambil kira rekabentuk struktur bagi rumah-rumah yang berkos rendah bagi golongan yang kurang berkemampuan</li> <li>Mempercepatkan proses penyediaan rekabentuk dan lukisan struktur yang lebih ekonomikal dan mempunyai ciri-ciri 'value engineering'</li> <li>Disamping itu, proses penyediaan rekabentuk ini juga membantu jurutera-jurutera di Jabatan ini dalam meningkatkan tahap taraf kepakaran dari segi merekabentuk struktur.</li> </ul>	Penyediaan rekabentuk struktur bagi rumah kediaman (2 tingkat maksima) dengan mengambil kira rekabentuk yang tipikal untuk dijadikan contoh.	<p><b>CABARAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Memerlukan kajian dan penganalisan rekabentuk bagi setiap condition yang berbeza</li> <li>Kesulitan dalam memberi keseimbangan rekabentuk struktur dari segi aspek keselamatan, ekonomi dan buildability.</li> </ul> <p><b>TINDAKAN SUSULAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Dapatan dari setiap condition yang berbeza dikumpulkan dan dibuat perbandingan</li> <li>Keputusan bagi keseimbangan rekabentuk dibuat dengan mengambil kira practicality dan buildability semasa pembinaan di tapak bina nanti</li> </ul>	Bukupanduan telahpun digunakan oleh Bahagian Struktur dalam Jabatan Perkhidmatan Teknikal sahaja untuk sebahagian projek
15	Cost Handbook For Earthwork and Slope Protection Works	✓			Dengan adanya buku panduan ini, diharapkan ianya dapat memberikan kemudahan rujukan, konsisten dan kecekapan didalam menganggarkan harga pasaran bagi kerja-kerja tanah dan perlindungan cerun.	Jabatan Perkhidmatan Teknikal iaitu Bahagian Kaji Tanah dan Kaji Bumi telah mengendalikan banyak projek berhubung dengan kerja-kerja tanah dan perlindungan cerun, dimana kos yang berkaitan dengannya adalah untuk dibukukan sebagai panduan kepada agensi-agensi Kerajaan, pihak swasta, pengajian-pengajian tinggi dan orang ramai.	<p><b>CABARAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Perbezaan pada harga-harga disebabkan oleh lokasi, komitmen kontraktor dan harga pasaran bahan binaan</li> <li>Sentiasa perlu dikemaskini</li> <li>Tawaran harga yang tidak munasabah</li> <li>Komitmen kerja kakitangan yang sedia ada</li> </ul>	
16	Mengkaji semula dan Mengemaskini Piawaian yang digunakan dalam Ujian Bahan Binaan	✓			Untuk memastikan piawaian yang dirujuk untuk kerja-kerja ujian adalah yang terkini dan sejajar dengan lain-lain makmal pembinaan serantau dan antarabangsa.	Sebagai skop utama makmal pembinaan (construction laboratory) Bahagian ini ialah membuat ujian kepada simen, bata, abu dan pasir untuk pemantauan dan penilaian mutu bahan import dan tempatan. Ujian-ujian yang dijalankan dalam makmal dimestikan mengikut piawaian antarabangsa antaranya ialah BS EN dan ASTM. Dari masa kesemua piawaian yang dirujuk ada dikeluarkan perubahan samada diganti dengan piawaian baru atau dibuat 'amendment'. Semua ujian-ujian yang dijalankan perlu mematuhi piawaian tersebut untuk menjadikan keputusan ujian 'valid' untuk rujukan. Sehubungan dengan itu, semua piawaian yang digunakan untuk kerja-kerja ujian perlu diperiksa semula untuk dikemaskini.	<p><b>CABARAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Akses yang terhad kepada laman web British Standards ataupun European Standards menyukarkan untuk merujuk piawaian yang terkini</li> </ul> <p><b>TINDAKAN SUSULAN</b></p> <p>Menghadapkan memo ke ABCI/MOD untuk permohonan bagi akses untuk laman web piawaian British Standards</p>	Borang-borang ujian serta prosedur ujian telah dikemaskini mengikut piawaian terkini dan semua kakitangan makmal BKS faham akan kepentingan mengemaskinikan Piawaian yang dirujuk, manakala Makmal Swasta dan Syarikat Pembekal Konkrit Siap Pakai pula menjadi lebih peka akan keterlibatan pihak Kerajaan mengenai prosedur dan piawaian makmal pembinaan
JABATAN KEMAJUAN								
17	Appointment of Consultant	✓			Untuk menjurus kepada kapasiti pengurusan Kontrak, perundangan dan penguatkuasaan yang lebih mantap sasaran 2018 untuk mendapatkan pengesahan / kelulusan dari pihak atasan dan Kementerian	Mengenalpasti isu-isu yang disebabkan oleh batasan (limitasi) dalam perjanjian 'Appointment of Consultant'	<p><b>CABARAN</b></p> <p>Tidak mempunyai pegawai yang berpengalaman dalam hal ehwal perundangan kontrak untuk memberi pandangan dan sebagainya.</p>	Objektif menepati sasaran tetapi tersasar waktu seperti yang dirancang awal  Tahap pencapaian sasaran / KPI yang ditetapkan: -  Peringkat 1- Draft 100% Peringkat 2-Review 30%
JABATAN PERKHIDMATAN BANGUNAN								
18	Standardise Building Maintenance Rates	✓			<ul style="list-style-type: none"> <li>Dijadikan sumber rujukan dan asas panduan bagi penyediaan anggaran kerja-kerja pemeliharaan dan kerja-kerja pengubahsuaian</li> <li>Dijadikan sebagai harga standard untuk dimasukkan kedalam dokumen tawaran bagi kerja-kerja yang menggunakan kontrak penggal yang mempunyai harga yang tetap</li> </ul>	Jabatan Perkhidmatan Bangunan bertanggungjawab bagi pemeliharaan sebahagian bangunan-bangunan Kerajaan di Negara Brunei Darussalam seperti Perumahan milik / sewa kerajaan di JPA, Jabatan-Jabatan dan Perumahan kerajaan di bawah Kementerian Pembangunan. Program ini bertujuan bagi memantapkan kapasiti pengurusan kontrak dengan memastikan standard building maintenance rates digunakan untuk pemeliharaan bangunan dengan lebih efisien dan bersistematik	<p><b>CABARAN</b></p> <p>Komitmen ahli-ahli didalam penghimpunan data dan maklumat skop kerja</p> <p><b>TINDAKAN SUSULAN</b></p> <p>Jabatan ini sentiasa mengingatkan ahli-ahli bahawa program ini sangat mustahak untuk dilaksanakan bagi meningkatkan keberkesanan dan keselarasan didalam proses pemeliharaan bangunan-bangunan kerajaan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memudahkan kerja-kerja pemeliharaan bangunan</li> <li>Penjimatan ke pihak kerajaan didalam masa yang panjang</li> <li>'doing it first time right' meningkatkan kepuasan kepada pihak pelanggan</li> </ul>

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
19	Review and Update Quotation Administration Guide 2006	✓			<ul style="list-style-type: none"> <li>Dijadikan asas panduan bagi mentadbir kontrak sebutharga dengan lebih teratur dan ber sistematik dan mengikut peraturan-peraturan yang terkini</li> <li>Dijadikan sumber bagi memastikan kapasiti pengurusan kontrak yang lebih mantap</li> </ul>	<p>Quotation Administration Guide 2006 (QAGe 2006) adalah tatacara bagi mentadbir sebutharga dibawah \$50,000.00 kebawah. QAGe ini telah pun digunakan semenjak tahun 2006 dan ianya perlulah diteliti semula bagi menyelaraskan dengan kehendak dan peraturan mengikut surat ke liling yang terbaharu dan juga mengikut peredaran masa didalam mentadbir kontrak sebutharga.</p>	<p><b>CABARAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kesukaran dalam mendapatkan komitmen ahli-ahli memandangkan ahli-ahli terdiri dari ke empat daerah</li> <li>Kurang kefahaman dan komunikasi dalam melaksanakan inisiatif ini.</li> </ul> <p><b>TINDAKAN SUSULAN</b></p> <p>Memberikan kefahaman yang cukup mengenai dengan objektif dan matlamat inisiatif ini dengan mengadakan penerangan melalui 'briefing' kepada Pegawai Pelaksana dan mengadakan tindakan susulan 'follow up'.</p>	Mengikut peraturan kewangan dan surat ke liling yang terkini.
<b>JABATAN SALIRAN DAN PEMBETUNGAN</b>								
20	Mengemaskini dan Mengurangkan Aduan Saliran		✓		<p>Untuk memberikan keselesaan dan keselamatan kepada orang ramai yang terlibat dengan banjir. Untuk mencapai pengurangan 50% dari jumlah aduan saliran yang diterima setiap tahun.</p>	<p>Adalah menjadi bidang tugas dan tanggungjawab pihak Bahagian Saliran, Jabatan Saliran dan Pembetulan untuk mengurangkan kawasan Banjir Negara. Ini adalah menjurus kepada wawasan Negara 2035 iaitu untuk menjamin 'kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi', yang menjurus juga kepada 'strategi keselamatan', 'strategi pembangunan infrastruktur' dan 'strategi alam sekitar' dengan menyediakan infrastruktur saliran Negara.</p>	<p><b>CABARAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Alamat aduan yang tidak lengkap</li> <li>Aduan melibatkan peruntukan yang banyak</li> <li>Kawasan aduan diluar bidang Jabatan atau longkang jabatan lain.</li> </ul> <p><b>TINDAKAN SUSULAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Menghubungi pengadu bagi alamat yang tepat dan membuat perjanjian semasa pemeriksaan bersama</li> <li>Memohon peruntukan RKN/DEPT</li> <li>Memanjangkan aduan kepada Kementerian / Jabatan yang terlibat.</li> </ul>	Pengurangan aduan orang ramai
21	Mengurangkan Tahap dan Kawasan Banjir Negara		✓		<p>Untuk memberikan keselesaan dan keselamatan kepada orang ramai yang terlibat dengan banjir. Dengan sasaran mengurangkan banjir dikawasan-kawasan yang mudah banjir dari 337.67km persegi pencapaian tahun 2017 kepada 270 km persegi pada tahun 2018, yang bersamaan dengan 20 peratus pencapaian pengurangan kawasan banjir Negara</p>	<p>Adalah menjadi bidang tugas dan tanggungjawab pihak Bahagian Saliran Jabatan Saliran dan Pembetulan untuk mengurangkan tahap dan kawasan banjir Negara. Ini adalah menjurus kepada wawasan Negara 2035 iaitu untuk menjamin 'kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi', yang menjurus juga kepada 'strategi keselamatan', 'strategi pembangunan infrastruktur' dan 'strategi alam sekitar' dengan menyediakan infrastruktur saliran bagi kawasan-kawasan yang rendah dan mudah banjir.</p>	<p><b>CABARAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kedaaan cuaca yang tidak menentu</li> <li>Proses pengambilan balik tanah</li> <li>Kedaaan dan lokasi tempat pelaksanaan projek menjurus kepada cabaran pelaksanaan projek</li> </ul> <p><b>TINDAKAN SUSULAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan projek semasa cuaca baik atau tidak hujan seperti dari bulan Mac hingga penghujung november</li> <li>Melaksanakan proses pengambilan balik tanah awal</li> <li>Bermesyuarat dengan stakeholder yang terlibat seperti kawaasan BSP, BINA dan sebagainya</li> </ul>	Pengurangan tahap dan kawasan banjir Negara
22	Mengurangkan Kawasan Hakisan Pantai Negara		✓		<p>Untuk memberikan keselesaan dan keselamatan kepada orang ramai yang terlibat dengan hakisan pantai, bagi mengekalkan keindahan pantai-pantai Negara. Dengan sasaran mengurangkan hakisan pantai 52.2km panjang pesisir pantai pencapaian 2017, dari 130 km pesisir pantai Negara, kepada pengurangan hakisan sebanyak 5% pencapaian. Iaitu pengurangan sebanyak 2.61 km panjang pantai yang lebih stabil.</p>	<p>Adalah menjadi bidang tugas dan tanggungjawab pihak Bahagian Saliran dan Pembetulan untuk mengurangkan kawasan hakisan pantai Negara. Ini adalah menjurus kepada wawasan Negara 2035 iaitu untuk menjamin 'kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi', yang menjurus kepada 'strategi keselamatan', 'strategi pembangunan infrastruktur' dan 'strategi alam sekitar' dengan menyediakan infrastruktur kawalan hakisan pantai bagi kawasan-kawasan pantai yang terhakis seperti pantai Danau, Jerudong, Meragang, Serasa dan sebagainya.</p>	<p><b>CABARAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kedaaan cuaca yang tidak menentu</li> <li>Proses gazetting tapak dan taok yang terlibat</li> <li>Kedaaan dan lokasi tempat pelaksanaan projek menjurus kepada cabaran pelaksanaan projek</li> </ul> <p><b>TINDAKAN SUSULAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan projek semasa cuaca baik atau tidak berombak</li> <li>Melaksanakan proses gazette kawasan awal</li> <li>Bermesyuarat dengan stakeholder yang terlibat seperti BINA</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengurangan kawasan pantai yang terhakis</li> </ul>

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
